

14 MAR 2000

Kemudahan

MELAKA AKAN KAJI KEBERKESANAN KEMUDAHAN PENGANGKUTAN AWAM

MELAKA, 14 Mac (Bernama) -- Kerajaan negeri akan menjalankan kajian memastikan keberkesanan perkhidmatan pengangkutan awam di Melaka.

Ketua Menteri Datuk Wira Mohamed Ali Rustam berkata kerajaan negeri menerima beberapa aduan mengenai sistem perkhidmatan pengangkutan awam yang tidak menepati dan memenuhi keperluan penduduk terutama di luar bandar.

Katanya kerajaan negeri juga akan menyediakan kawasan terminal bas dan teksi yang sesuai untuk bandar Melaka serta memindahkan pasar awam yang kini terletak di tengah-tengah bandar.

Kawasan perhentian bas, teksi dan pasar awam yang sedia ada sekarang tidak lagi sesuai memandangkan kedudukan, persekitaran dan tahap penyenggaraan yang tidak menepati matlamat sebagai negeri pelancongan, katanya.

"Pelancong yang datang akan terkejut dengan keadaan perhentian bas dan teksi yang ada sekarang, apa lagi kedudukan pasar awam yang terletak di tengah-tengah bandar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Puteri Islam Melaka di Seri Bendahara di sini petang semalam.

Sementara itu, Mohamed Ali berkata kerajaan negeri berharap cadangan bagi membina jambatan yang menghubungkan Sumatera dengan Semenanjung akan menjadi kenyataan satu hari nanti.

Beliau berkata Melaka yang jaraknya hanya 35 kilometer dari Telok Mas ke Dumai di Indonesia, merupakan negeri yang sesuai menjadi laluan jika cadangan itu dilaksanakan.

Menurutnya, walaupun perbincangan di antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid semasa lawatan Dr Mahathir ke negara berkenaan tidak membincangkan secara serius mengenai jambatan itu, tetapi ia merupakan permulaan bagi kewujudannya.

"Cadangan itu jika dipersetujui akan membuka peluang kepada rakyat negara ini mengembangkan kegiatan ekonomi mereka di samping dapat mengelakkan berlakunya pencerobohan pendatang tanpa izin dan membina penempatan di negara ini," katanya.

Mohamed Ali berkata tenaga asing rakyat Indonesia boleh berulang-alik tanpa perlu tinggal di negara ini kerana perjalanan dijangka hanya mengambil masa kira-kira 15 minit.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir semasa menjawab pertanyaan mengenai pembinaan jambatan itu bahawa ia belum perlu buat masa ini tetapi cadangan itu mungkin menjadi kenyataan satu hari nanti.

-- BERNAMA

MYD RON